

Paluan Gendang Perang PRU ke-14

Lazimnya ibu segala pilihan raya (*the mother of all elections*) sering digunakan untuk menggambarkan sifat pilihan raya itu sendiri. Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 disifatkan sedemikian kerana mengambil-kira tsunami pilihan raya tahun 2008. Walau bagaimanapun, Ketua Wanita UMNO Ledang, Khairin Nisa' Ismail, menyifatkan PRU ke-14 sebagai “bapa pilihan raya” dengan hujah bahawa PRU ke-14 akan menentukan masa hadapan UMNO yang, jika diambil ringan, boleh menjurus kepada “kiamat politik Melayu”. Lantaran itu, beliau mahu agar mentaliti menang dipahatkan dalam sanubari setiap ahli Pergerakan Wanita UMNO.

G. MANIMARAN



“Perjuangan itu kelak akan membawa jatuh bangunnya Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi UMNO selain menentukan masa hadapan sebuah bangsa. Masa semakin suntuk dan hampir dengan peperangan PRU ke-14. Oleh itu, hindari perpecahan kerana kitalah yang menentukan “kiamat politik”, yang andainya terjadi, Melayu akan dijajah kembali dan tidak akan mampu bangkit,” kata beliau ketika mencadangkan usul politik pada Perhimpunan Agung Wanita UMNO 2016. Pendirian yang diketengahkan oleh Khairin Nisa’

merupakan antara perkara yang dibahaskan oleh perwakilan UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2016 yang berakhir pada 3 Disember. Tidak dapat dinafikan bahawa perbahasan perwakilan berdasarkan ucapan pemimpin tertinggi mereka yang turut memberikan bayangan awal tentang PRU ke-14.

Dalam ucapan dasar PAU 2016, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, menggariskan bahawa PRU ke-14 “bakal tiba tidak lama lagi”. Tambah beliau, perwakilan harus menerima amanat dan pesanan PAU 2016 sebagai persiapan

untuk bertempur dalam medan juang PRU ke-14. Ketika ditemui wartawan pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 23 Jun 2016, Dato’ Sri Najib memberitahu bahawa PRU ke-14 akan diadakan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri, namun tidak menyatakan tahun sambutan perayaan tersebut. Mengikut perkiraan, mandat Kerajaan BN akan berakhir pada Jun 2018 selepas PRU ke-13 berlangsung pada 5 Mei 2013.

Dalam ucapan dasar PAU 2016 yang disampaikan secara berterus terang dan matang itu, BERNAMA menyifatkan bahawa Dato’ Sri Najib, yang berucap sebagai Melayu, Islam, Bumiputera dan anak Malaysia, telah membakar semangat anggota UMNO untuk bersiap sedia meraih kemenangan BN pada PRU ke-14. Beliau juga dilaporkan menyentuh aspek yang sama pada Majlis Taklimat Presiden bersempena dengan PAU 2016.

Anggota Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Razali Ibrahim, dipetik sebagai berkata bahawa Dato’ Sri Najib menyampaikan mesej yang jelas agar anggota parti memperkukuh kebersatuan mereka dan berkhidmat sepenuh hati untuk rakyat. Penekanan itu diberikan sebagai strategi parti untuk mendepani pelbagai cabaran menjelang PRU ke-14. Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, menjelaskan bahawa amanat Dato’ Sri Najib merupakan isyarat yang jelas agar semua anggota parti terus bersiap siaga memikul tanggungjawab memenangkan parti demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Selain memberikan fokus kepada persediaan dan kemenangan PRU ke-14, Tan Sri Annuar turut percaya bahawa Dato’ Sri Najib turut memberikan kefahaman kepada semua perwakilan untuk melestarikan parti terbesar Melayu itu.

Penekanan terhadap keperluan bersiap siaga menghadapi PRU ke-14 juga ditekankan oleh Timbalan



Datuk Seri Ahmad Zahid bersedia meniupkan semboyan menghadapi PRU ke-14.

Dalam ucapan dasar PAU 2016 yang disampaikan secara berterus terang dan matang itu, BERNAMA menyifatkan bahawa Dato’ Sri Najib, yang berucap sebagai Melayu, Islam, Bumiputera dan anak Malaysia, telah membakar semangat anggota UMNO untuk bersiap sedia meraih kemenangan BN pada PRU ke-14.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, yang kini menjalankan tugas Timbalan Presiden UMNO. Beliau menggariskan 10 isu yang perlu ditangani jentera bagi menjamin kemenangan dalam PRU ke-14.

Isu dan strategi itu terkandung dalam karya beliau yang berjudul *Gendang Perang PRU-Strategi Kukuhkan Parti*. Buku setebal 101 muka surat itu dihasilkan berdasarkan pengalaman dan pengamatan peribadi Datuk Seri Ahmad Zahid terhadap senario yang berlaku dalam UMNO. Isu yang disenaraikan terdiri daripada “Kuasa Rakyat”, “Serentak Sederap”, “Kesatuan Kelip-kelip”, “Politik Sate”, “Berkongsi Tanggungjawab”, “Turun Padang”, “Cah Keting”, “Hipster”, “Semangat Burung Helang” dan “Budaya Selesa”.

Ternyata Datuk Seri Ahmad Zahid melihat pelbagai isu sebagai bukan permasalahan yang luar biasa, tetapi perlu diselesaikan bagi menzahirkan perpaduan dalam kalangan anggota parti, seterusnya memastikan parti dalam keadaan sedia untuk berjuang dan membawa kemenangan untuk UMNO.

Dalam ucapan perasmian ketiga-tiga sayap UMNO, beliau menarik perhatian perwakilan dengan berkata: “Semboyan dan nafiri perjuangan kita kian hampir ditiupkan. Paluan gendang perang menghadapi PRU ke-14 kian bergema. Obor perjuangan suci UMNO tetap akan kita nyalakan”.

Datuk Seri Ahmad Zahid, yang kini memegang jawatan Timbalan Presiden susulan pemecatan Tan Sri Muhyiddin Yassin pada tahun 2015, turut memberikan peringatan tegas bahawa banyak ahli dan penyokong mereka yang sudah semakin lupa akan prestasi sebenar BN dalam tiga PRU yang lalu. Lantaran itu, beliau mengingatkan bahawa: “Banyak pemimpin parti kita, baik dalam UMNO mahupun BN, dikhuatiri semakin terbuai alpa bahawa rumah agama yang sedang kita duduki ini sebenarnya sedang berada pada ambang yang cukup kritikal. Suka saya ingatkan diri ini dan kita semua, iaitu pada tahun 2004 (PRU ke-11), kerusi Parlimen yang dimenangi BN sebanyak 198 daripada 222 kerusi. Jumlah itu merosot kepada 140 kerusi pada tahun 2008 (PRU ke-12), dan pada tahun 2013 (PRU ke-13), jumlah tersebut menurun lagi kepada 134 kerusi. Kini sudah tinggal 132 kerusi selepas Pagoh dan Semporna meninggalkan kita.

“Apakah maknanya semua data ini kepada kita? Adakah ini dinamakan suatu kebetulan? Atau adakah ini boleh dianggap sebagai bernasib baik? Atau apakah ini terus



Barisan kepimpinan tertinggi UMNO sempat bergurau senda dengan Dato' Sri Mohd. Najib semasa sesi bergambar kenangan.

ditafsirkan sebagai suatu kelegaan? Hal ini merupakan suatu realiti yang harus direnungi dalam menelusuri rentak perjuangan untuk mengekalkan kerajaan yang sedia ada. Ingatlah bahawa kerajaan kita pada hari ini kekal dengan hanya 134 kerusi sahaja sebelum dua kerusi dilampirkan daripada pegangan kita," ujar Datuk Seri Ahmad Zahid.

Dalam menghadapi PRU ke-14, Dato' Sri Najib juga berkata bahawa prinsip *wala'* atau ketataan dan kesetiaan kepada pemimpin dan institusi kepimpinan UMNO dinilai sebagai perkara penting untuk mencapai kemenangan BN. Seruan tentang kepentingan prinsip ini pernah ditekankan oleh beliau dalam ucapannya pada tahun lalu kerana kepimpinan beliau berhadapan dengan ujian getir sebagai ekoran kritikan mantan Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau mengingatkan ahli UMNO supaya tidak memandang rendah terhadap parti lawan, terutama yang dipimpin oleh mantan pemimpin kanan UMNO. Beliau menambah, walaupun penubuhan parti baharu oleh bekas pemimpin berkenaan tidak menampakkan satu gelombang sokongan yang ketara, UMNO perlu berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan kuasa pemerintahan.

"Saya melihat bahawa kalau kita kaji fenomena apabila Parti Keadilan Rakyat (PKR) ditubuhkan, (susulan) Datuk Seri Anwar Ibrahim keluar daripada UMNO, kita lihat pada masa itu gelombang PKR itu lebih ketara daripada apa-apa yang berlaku pada hari ini. Kesannya tidak sama, tetapi saya sedar bahawa Bahagian atau Parlimen mesti akan ada orang yang tidak berpusing hati kerana tidak dapat apa-apa yang mereka inginkan dan kecewa. Oleh itu, mereka cuba kumpul, kutip orang seperti ini untuk menyertai parti mereka untuk menentang kita, itu saya sedar," kata beliau pada program Soal Jawab bersempena dengan PAU 2016.

Beliau turut mengakui bahawa hubungan tegang antara UMNO dengan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang berlaku pada suatu ketika dahulu kini semakin kendur, termasuk pada peringkat akar umbi. Menurutinya, PAS pada masa ini lebih terbuka dan komited untuk bekerjasama bagi memperjuangkan perkara yang melibatkan kepentingan ummah.

"Begitu juga UMNO, kami juga bersikap sedemikian dalam banyak hal apabila melibatkan soal ummah, khususnya soal masa hadapan negara. Ada bab kita memang mempunyai pendapat yang sama, tetapi kita tidaklah seperti tahun 1974 dalam membentuk satu kerajaan campuran dan sebagainya," ujar Dato' Sri Najib.

Nasihat dan peringatan yang diketengahkan itu turut disambut oleh pemimpin komponen BN yang dilihat sudah menerima isyarat agar bersiap siaga menyahut gendang perang yang dipalu. Misalnya, Presiden Persatuan Cina Malaysia (MCA), Datuk Seri Liow Tiong Lai, yang turut hadir dalam majlis perasmian Perhimpunan Agung UMNO, dilaporkan sebagai berkata bahawa kesemua parti komponen harus bersiap sedia dalam pelbagai aspek bagi memastikan BN terus meraih kepercayaan rakyat dan kekal menerajui negara.

Ketua Puteri UMNO, Datuk Mas Ermeyati Samsudin, mengingatkan ahlinya agar jangan asyik berswafoto kerana masa untuk berehat sudah hampir tiada oleh sebab PRU ke-14 semakin hampir. Kata beliau, anggota Puteri perlu bersiap siaga bagi menghadapi PRU ke-14.

Sejak awal PAU 2016, banyak pihak meramalkan bahawa perhimpunan itu menjadi medan penting untuk memalu gendang PRU ke-14. Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, dalam wawancara khas menjelang perhimpunan berkata: "Perkara yang penting kita kena bersatu, kena bersiap sedia untuk pilihan raya umum akan datang, rumah tangga kita perlu diperbetulkan, dan saya berharap suasana dan perjalanan perhimpunan pada kali ini menjurus ke arah itu. Hal itu amat penting dan dapat menjadi perkara yang perlu dibawa kepada perwakilan, ke bahagian masing-masing selepas PAU 2016 berakhir."

Kehadiran PRU ke-14 semakin jelas. Adakah PRU ke-14 akan berlangsung dalam tempoh 300 hari lagi, iaitu pada suku ketiga September atau Oktober 2017? Pada tempoh itu, banyak pemerhati politik melihatnya sebagai masa yang "selesa", iaitu selepas Sukan SEA berakhir dan Hari Kebangsaan ke-60. Lebih-lebih lagi, tempoh itu dilihat lebih kondusif selepas urusan persempadanan semula selesai dibahaskan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. ●